
BAB 2 AM**BAHAGIAN A – AM****2.01 Pengenalan**

Bab ini memperuntukkan-

- (a) prinsip-prinsip yang mana Kehendak-Kehendak ini diasaskan dan dipakai; dan
- (b) Kehendak-Kehendak am Bursa yang terpakai bagi semua pemohon, perbadanan tersenarai pengarah, pegawai dan penasihat mereka, atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan.

2.02 Tujuan Pasaran ACE

Tujuan utama Pasaran ACE adalah bagi membenarkan perbadanan tempatan dan asing dari semua sektor perniagaan untuk menembusi pasaran modal di bawah rangka yang menghendaki penaja.

2.03 Tujuan Kehendak-Kehendak ini

Tujuan Kehendak-Kehendak ini adalah untuk menyatakan kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh semua pemohon dan perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai dan penasihat pemohon atau perbadanan tersenarai tersebut, atau orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana Kehendak-Kehendak ini akan menjadi suatu kemungkiran yang berkenaan dengannya tindakan boleh diambil atau penalti boleh dikenakan atau kedua-duanya.

2.04 Prinsip-prinsip Am

Prinsip-prinsip yang Kehendak-Kehendak ini diasaskan, termasuklah yang berikut:

- (1) semua pemohon hendaklah mempunyai kualiti tertentu;
- (2) pelabur dan orang awam akan sentiasa dimaklumkan oleh perbadanan tersenarai tentang semua fakta atau maklumat yang boleh menjejaskan kepentingan mereka dan terutamanya, pendedahan penuh, tepat dan kena pada masanya akan dibuat berhubung dengan apa-apa maklumat yang semunasabahnya dijangka mempunyai kesan material pada harga, nilai atau aktiviti pasaran dalam sekuriti perbadanan tersenarai;
- (3) semua pemegang sekuriti akan dilayan secara adil dan saksama;
- (4) pengarah, pegawai dan penasihat perbadanan tersenarai akan mengekalkan tahap integriti, kebertanggungjawaban, urus tadbir korporat dan tanggungjawab yang tertinggi; dan
- (5) pengarah perbadanan tersenarai akan bertindak demi kepentingan perbadanan tersenarai secara keseluruhan, terutamanya apabila orang awam merupakan pemegang syer minoriti atau apabila pengarah atau pemegang syer utama mempunyai kepentingan material dalam transaksi yang dibuat oleh perbadanan tersenarai.

BAHAGIAN B – PEMAKAIAN KEHENDAK-KEHENDAK INI**2.05 Kewajipan untuk mematuhi**

- (1) Perbadanan tersenarai, sama ada atau tidak sekuritinya telah diterima masuk sebelum Kehendak-Kehendak ini ditepkan, adalah, oleh sebab penerimaan masuknya dalam Senarai Rasmi, terikat dengan Kehendak-Kehendak ini, Kaedah-Kaedah Bursa dan Kaedah-Kaedah Depositori.
- (2) Perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai dan penasihatnya atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan mesti –
 - (a) mematuhi Kehendak-Kehendak ini selagi perbadanan tersenarai atau sekuritinya masih tersenarai dalam Senarai Rasmi. Ini terpakai walaupun semasa tempoh sekuriti perbadanan tersenarai itu digantung daripada didagangkan; dan
 - (b) mematuhi dan melaksanakan apa-apa keputusan yang dibuat, syarat yang dikenakan, dan petunjuk atau arahan yang dikeluarkan, oleh Bursa, dalam tempoh yang ditentukan oleh Bursa.

2.06 Semangat Kehendak-Kehendak ini

Kehendak-Kehendak ini akan ditafsirkan -

- (a) mengikut semangat, niat dan tujuannya; dan
- (b) dengan cara yang terbaik untuk menggalakkan prinsip-prinsip yang menjadi asas kepadanya.

2.07 Penepian dan ubah suaian

- (1) Bursa menghendaki pematuhan ketat Kehendak-Kehendak ini.
- (2) Walau apa pun sub-Kaedah (1) di atas, Bursa boleh pada bila-bila masa, mengeneipkan atau mengubah suai pematuhan kepada sesuatu Kehendak atau mana-mana bahagian daripada sesuatu Kehendak. Jika Bursa mengeneipkan atau mengubah suai pematuhan kepada suatu Kehendak atau bahagian daripada sesuatu Kehendak tertakluk kepada sesuatu syarat, syarat itu mestilah dipatuhi bagi penepian atau ubah suaian itu berkuat kuasa.

2.08 Mengubah atau membatalkan keputusan

Bursa boleh, pada bila-bila masa, mengubah atau membatalkan keputusannya jika terdapat hal keadaan yang mewajarkannya, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut. Suatu perubahan atau pembatalan tidak bersyarat berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan oleh Bursa. Jika sesuatu perubahan atau pembatalan adalah tertakluk kepada sesuatu syarat, syarat itu mesti dipatuhi bagi perubahan atau pembatalan itu berkuat kuasa.

2.09 Nota Panduan

- (1) Bursa boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan Nota Panduan tertakluk kepada kelulusan SC untuk memperuntukkan mengenai, antara lain -
 - (a) tafsiran Kehendak-Kehendak ini; atau
 - (b) tatacara pentadbiran atau pengendalian berhubung Kehendak-Kehendak ini.
- (2) Bursa boleh meminda, mengeneipkan atau memansuhkan Nota Panduan itu dari semasa ke semasa.

- (3) Perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai dan penasihatnya atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan hendaklah mematuhi Nota Panduan yang dikeluarkan menurut Kaedah ini mengikut cara yang sama sebagaimana Kehendak-Kehendak ini dipatuhi. Bagi mengelakkan keraguan, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, arahan dan kehendak yang terkandung dalam Nota Panduan adalah bagi menjelaskan dan bukannya mengurangkan mana-mana kewajipan seseorang yang baginya Kehendak-Kehendak atau Nota Panduan terpakai.
- (4) Melainkan ditakrifkan selainnya dalam Nota Panduan atau jika konteks menghendaki makna yang lain, perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan dalam Kehendak-Kehendak ini, apabila digunakan dalam Nota Panduan, mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Kehendak-Kehendak ini.

BAHAGIAN C – DOKUMEN PERLU MEMATUHI KEHENDAK-KEHENDAK INI

2.10 Dokumen perlu mematuhi Kehendak-Kehendak ini

- (1) Pemohon atau perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa -
 - (a) apa-apa perlembagaan, surat ikatan amanah, surat ikatan pol atau undang-undang kecil sesuatu Skim Penerbitan Syer yang dikehendaki untuk dikemukakan kepada Bursa ("**dokumen tersebut**"); atau
 - (b) apa-apa pindaan kepada dokumen tersebut, mematuhi Kehendak-Kehendak ini.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tiada pindaan dibuat kepada dokumen tersebut melainkan pindaan itu dibuat -
 - (a) dengan kelulusan pemegang sekuritinya terlebih dahulu, kecuali jika diperunukkan selainnya dalam dokumen tersebut; dan
 - (b) kelulusan pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi (jika berkenaan).

2.11 Masa pengemukaan

Pemohon atau perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa dokumen tersebut atau apa-apa pindaan kepada dokumen tersebut, dikemukakan kepada Bursa tidak lewat daripada 5 hari pasaran selepas tarikh kuat kuasa dokumen berkaitan itu atau apa-apa pindaan kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2.12 Surat pematuhan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengemukakan surat pematuhan bersama-sama dengan dokumen tersebut dan apa-apa pindaan kepada dokumen tersebut.
- (2) Surat pematuhan ialah surat yang ditulis kepada Bursa yang mengesahkan bahawa peruntukan dokumen tersebut yang berkaitan mematuhi Kehendak-Kehendak ini dan Kaedah-Kaedah Depositori.
- (3) Jika surat pematuhan itu adalah berhubung dengan suatu pindaan kepada mana-mana dokumen tersebut, ia mesti mengesahkan bahawa dokumen terpinda itu mematuhi Kehendak-Kehendak ini dan Kaedah-Kaedah Depositori.

-
- (4) Surat pematuhan mesti ditulis oleh seseorang yang mempunyai kelayakan undang-undang, dengan syarat dalam hal keadaan yang dinyatakan di bawah, surat pematuhan itu boleh ditulis oleh orang tambahan yang berikut:
- (a) dalam hal undang-undang kecil Skim Penerbitan Syer (dan apa-apa pindaan terhadapnya), oleh penasihat perbadanan tersenarai itu; dan
 - (b) dalam hal suatu pindaan terhadap perlembagaan, oleh penasihat perbadanan tersenarai itu atau setiausaha syarikatnya.

[Rujuk silang: Nota-nota Panduan 15 dan 16]

BAHAGIAN D – MAKLUMAT

2.13 Bentuk maklumat

- (1) Jika mana-mana Kehendak-Kehendak ini menetapkan bahawa seseorang perlu memberikan maklumat kepada Bursa, maklumat itu mesti diberikan secara tertulis melainkan jika dinyatakan sebaliknya oleh Bursa.
- (2) Bursa boleh menghendaki apa-apa maklumat atau dokumen oleh pemohon yang perlu diberikan kepada Bursa oleh pemohon, perbadanan tersenarai atau penasihatnya hendaklah melalui media elektronik sebagaimana yang diarahkan oleh Bursa dan mengikut cara yang ditentukan oleh Bursa.
- (3) [Dipotong]

2.14 Pemberian maklumat kepada Bursa

Pemohon dan perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai, pekerja atau penasihat pemohon atau perbadanan tersenarai itu atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan mesti memberi Bursa apa-apa maklumat, dokumen atau penjelasan yang diminta oleh Bursa mengikut arahan atau permintaan Bursa.

2.14A Notis Data Peribadi

- (1) Mana-mana orang yang ingin memberikan atau telah memberikan data peribadi kepada Bursa atau Syarikat Pemegang Bursa menurut atau berkaitan dengan Kehendak-Kehendak ini perlu membaca dan mengetahui akan pemberitahuan berkaitan berhubung dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”) yang tersedia di laman sesawang Syarikat Pemegang Bursa di www.bursamalaysia.com (“**Notis Data Peribadi**”).
- (2) Jika data peribadi yang diberikan adalah milik individu lain (“**subjek data**”), orang yang memberikan data tersebut mesti memberitahu subjek data secara bertulis mengenai Notis Data Peribadi sebelum memberikan data peribadi itu melainkan jika:
 - (a) seksyen 41 PDPA terpakai; atau
 - (b) Bursa menyatakan sebaliknya berkaitan dengan PDPA.
- (3) Bagi maksud perenggan ini, “**data peribadi**” mempunyai erti yang sama yang diberikan dalam seksyen 4 PDPA.

2.15 Penyerahan maklumat

Apabila apa-apa dokumen dikemukakan kepada Bursa untuk penyiaran umum, pemohon, perbadanan tersenarai atau penasihatnya mesti menandakan dokumen itu dengan jelas dengan perkataan "Untuk Siaran Segera".

2.16 Kuasa Bursa untuk menguruskan dokumen

- (1) Semua dokumen dan maklumat (termasuk dokumen dan maklumat sulit) yang dihantar kepada atau, diperolehi oleh, Bursa akan menjadi dan kekal menjadi harta Bursa.
- (2) Bursa boleh, mengikut budi bicaranya mutlak, menguruskan dokumen dan maklumat menurut kehendaknya termasuk menyalin, menyimpan dalam sistem perolehan kembali, menghantar kepada orang awam, menerbitkan atau mendedahkan semua atau mana-mana bahagian dokumen itu dan menghantar salinan ke mana-mana bursa saham, badan kerajaan yang berkaitan, pihak berkuasa, atau mana-mana orang yang difikirkan patut oleh Bursa.

2.17 Penentusahan laporan atau maklumat

Bursa boleh, mengikut budi bicaranya, memerintahkan atau mengarahkan pemohon atau perbadanan tersenarai untuk melantik penasihat atau pakar bebas atas perbelanjaan pemohon atau perbadanan tersenarai itu untuk menentusahkan apa-apa laporan atau maklumat yang disebut dalam atau yang merupakan sebahagian daripada apa-apa permohonan, yang dikemukakan kepada Bursa oleh atau bagi pihak pemohon atau perbadanan tersenarai itu dan untuk mengemukakan hasil penentusahan itu terus kepada Bursa.

2.18 Kandungan pernyataan, maklumat atau dokumen

- (1) Pemohon, perbadanan tersenarai, penasihat atau pengarah pemohon atau perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa apa-apa permohonan, cadangan, pernyataan, maklumat atau dokumen yang dikemukakan, diserahkan atau didedahkan menurut Kehendak-Kehendak ini -
 - (a) terang, jelas dan tepat;
 - (b) tidak mengandungi apa-apa ketinggalan yang material; dan
 - (c) tidak palsu atau mengelirukan.
- (2) Pemohon, perbadanan tersenarai, penasihat atau pengarah pemohon atau perbadanan tersenarai tidak melakukan pelanggaran sub-Kaedah (1) di atas jika orang itu membuktikan bahawa -
 - (a) dia telah membuat semua siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu; dan
 - (b) selepas membuat siasatan itu, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga masa pengemukaan, penyerahan atau pendedahan pernyataan, maklumat atau dokumen itu kepada Bursa bahawa pernyataan, maklumat atau dokumen itu memenuhi kehendak sub-Kaedah (1) di atas.
- (3) Jika apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas telah dikemukakan, diserahkan atau didedahkan kepada Bursa dan orang yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas kemudiannya menyedari bahawa pernyataan, maklumat atau dokumen itu mungkin tidak memenuhi kehendak sub-Kaedah (1) di atas, orang itu mesti memberitahu Bursa mengenai perkara tersebut dengan serta-merta.

-
- (4) Bagi mengelakkan keraguan, dalam hal pengumuman kepada Bursa atau suatu pekeliling, Kaedah 9.35 terpakai sebagai penggantian sub-Kaedah (1) hingga (3) di atas.

2.18A Kehadiran di hadapan Bursa

Pengarah, pegawai, pekerja atau penasihat perbadanan tersenarai atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak- Kehendak ini ditujukan mesti, jika dikehendaki Bursa, hadir sendiri di hadapan Lembaga, mana-mana jawatankuasa atau pegawai Bursa untuk mengemukakan apa-apa dokumen, maklumat dan/atau penjelasan bagi apa-apa tujuan yang disifatkan sesuai oleh Bursa dan Bursa boleh merekodkan pernyataan daripada orang itu.

2.19 Tanggung rugi

- (1) Jika Bursa menerbitkan, mengeluarkan atau mengedarkan apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen untuk atau bagi pihak pemohon atau perbadanan tersenarai menurut Kehendak- Kehendak ini atau sebaliknya, Bursa tidak akan bertanggungjawab untuk memeriksa ketepatan, kelengkapan atau kecukupan mana-mana kandungan pernyataan, maklumat atau dokumen itu, dan tidak akan bertanggung bagi apa-apa kerugian atau kerosakan walau bagaimana jua pun timbul akibat penerbitan, pengeluaran atau pengedaran pernyataan, maklumat atau dokumen itu.
- (2) Pemohon, perbadanan tersenarai atau penasihat atau pengarah pemohon atau perbadanan tersenarai itu mesti menanggung rugi sepenuhnya dan dan membayar ganti rugi kepada Bursa terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, liabiliti, kos atau perbelanjaan (termasuk kos guaman) yang dialami atau ditanggung oleh Bursa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada apa-apa tuntutan, tindakan atau prosiding oleh mana-mana orang untuk, oleh sebab, atau berkenaan dengan penerbitan, pengeluaran atau pengedaran apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen oleh Bursa untuk atau bagi pihak pemohon atau perbadanan tersenarai.

2.19A Anggaran, ramalan dan unjuran kewangan

- (1) Jika surat pekeliling atau mana-mana dokumen yang dikemukakan kepada Bursa mengandungi rujukan kepada anggaran, ramalan atau unjuran kewangan, perbadanan tersenarai dan Penaja atau Penasihatnya (jika dilantik), mengikut mana-mana yang berkenaan, mesti mematuhi Bab 9 dan 10 dalam Penggal 1, Bahagian II Garis Panduan Prospektus SC berhubung dengan maklumat kewangan masa hadapan semasa menyediakan dan mendedahkan anggaran, ramalan atau unjuran kewangan itu.
- (2) Perbadanan tersenarai juga mesti memastikan bahawa juruaudit luar atau akauntan pelapor, mengikut mana-mana yang berkenaan, menyemak dan melaporkan mengenai dasar perakaunan dan andaian-andaian yang dijadikan sandaran dalam penyediaan anggaran, ramalan atau unjuran kewangan mengikut Bab 9 dan 10 dalam Penggal 1, Bahagian II Garis Panduan Prospektus SC berhubung dengan maklumat kewangan masa hadapan.

2.19B Pengeluaran dokumen melalui cara elektronik oleh perbadanan tersenarai kepada pemegang sekuritinya

Perbadanan tersenarai boleh menghantar apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dihantar di bawah Kehendak-Kehendak ini kepada pemegang sekuritinya ("**Dokumen**") dengan cara elektronik, jika syarat yang berikut dipatuhi:

- (a) perlembagaan perbadanan tersenarai —
- (i) memperuntukkan penggunaan kaedah elektronik untuk berkomunikasi dengan pemegang sekuritinya;

-
- (ii) menetapkan cara kaedah elektronik yang perlu digunakan; dan
 - (iii) menyatakan bahawa butir-butir perhubungan pemegang sekuriti sebagaimana yang diberikan kepada Depositori hendaklah disifatkan sebagai alamat terakhir yang diketahui telah diberikan oleh pemegang sekuriti kepada perbadanan tersenarai bagi tujuan berhubung dengan pemegang sekuriti;
- (b) sekiranya perbadanan tersenarai menyiarkan Dokumen itu di laman sesawangnya, perbadanan tersenarai mesti secara berasingan dan serta-merta memberitahu pemegang sekuriti mengenai yang berikut secara bertulis:
- (i) penyiaran Dokumen itu di laman sesawang; dan
 - (ii) pautan atau alamat laman sesawang yang ditetapkan di mana sesalinan Dokumen itu boleh dimuat turun;
- (c) jika perbadanan tersenarai menghantar Dokumen atau pemberitahuan melalui mel elektronik, mesti ada bukti penghantaran mel elektronik;
- (d) jika pemegang sekuriti meminta satu salinan cetak Dokumen, perbadanan tersenarai mesti mengemukakan salinan cetak Dokumen itu kepada pemegang sekuriti seberapa segera yang semunasabahnya boleh dilaksanakan selepas penerimaan permintaan itu, secara percuma; dan
- (e) jika ia berhubung dengan Dokumen yang dikehendaki dilengkapkan oleh pemegang sekuriti bagi terbitan hak atau tawaran untuk jualan perbadanan tersenarai mesti menghantar Dokumen ini melalui mel elektronik, dalam bentuk salinan cetak atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN E – FI DAN CAJ LAIN

2.20 Fi dan caj lain

- (1) Pemohon, perbadanan tersenarai, dan Penaja mesti membayar kepada Bursa apa-apa fi dan caj yang amaunnya ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- (2) Pemohon, perbadanan tersenarai atau penasihatnya juga mesti membayar kepada Bursa fi dan caj yang amaunnya ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa berhubung dengan penggunaan media elektronik yang ditetapkan untuk pengumuman maklumat atau dokumen kepada Bursa.
- (3) Bursa berhak untuk menambah, mengubah atau mengetepikan apa-apa fi dan caj dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkannya patut.
- (4) [Dipotong]
- (5) Apa-apa pembayaran lewat fi dan caj akan menyebabkan caj pembayaran lewat dikenakan pada kadar yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- (6) Tiada bayaran balik apa-apa fi dan caj dibenarkan.
- (7) Semua pembayaran kepada Bursa mesti dibuat melalui cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau mengikut apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

-
- (8) Perbadanan tersenarai mesti membayar kepada Bursa fi penyenaian tahunan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa setiap tahun secara pendahuluan dan tidak lewat daripada 31 Januari setiap tahun. Semua bayaran fi penyenaian awal dan tambahan kepada Bursa mesti disertakan salinan butiran pengiraan jumlah fi penyenaian yang kena dibayar.
 - (9) Perbadanan tersenarai mesti membayar kepada Bursa fi pemprosesan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa apabila mengemukakan permohonan yang berkaitan.

BAHAGIAN E(A) – PENGARAH DAN PEGAWAI UTAMA LAIN

2.20A Kelayakan pengarah dan pegawai utama lain

Setiap perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa setiap pengarah, ketua eksekutif atau ketua pegawai kewangannya mempunyai perwatakan, pengalaman, kewibawaan, kecekapan dan masa untuk melaksanakan peranan sebagai seorang pengarah, ketua eksekutif atau ketua pegawai kewangan dengan berkesan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi perbadanan tersenarai itu.

BAHAGIAN F – PENASIHAT / PENDAFTAR SYER

2.21 Aku janji penasihat

- (1) Penasihat yang menyerahkan, mengemukakan atau mendedahkan suatu permohonan, surat pekeliling atau apa-apa dokumen lain kepada Bursa bagi pihak pemohon atau perbadanan tersenarai, selain daripada Penaja, mesti menyerahkan simpan dengan Bursa suatu aku janji yang disempurnakan dengan sewajarnya oleh penasihat itu dalam borang di Lampiran 2A.
- (2) Bursa berhak untuk menolak atau tidak menerima apa-apa permohonan, surat pekeliling atau apa-apa dokumen lain yang dikemukakan oleh penasihat bagi pihak pemohon atau perbadanan tersenarai jika penasihat itu tidak menyerahkan simpan dengan Bursa aku janji yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas.
- (3) Penerimaan aku janji yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas oleh Bursa bukanlah suatu tanda kelulusan atau pengendorsan oleh Bursa mengenai kemahiran, kecekapan, kesesuaian atau keupayaan orang itu sebagai penasihat..

2.21A Pendaftar syer

- (1) Perbadanan tersenarai mesti melantik dan mengekalkan pendaftar syer yang -
 - (a) mempunyai prosedur kawalan dalaman yang memuaskan dan keupayaan kewangan dan operasi yang diperlukan untuk pelaksanaan yang sepatutnya kewajipannya sebagai pendaftar syer perbadanan tersenarai itu; dan
 - (b) bertindak secara profesional dan demi kepentingan terbaik perbadanan tersenarai dan integriti pasaran semasa memberikan perkhidmatan untuk perbadanan tersenarai itu.
- (2) Bagi maksud sub-Kaedah (1)(a) di atas, perbadanan tersenarai mesti mempertimbangkan, antara lain, sama ada pendaftar syer itu:
 - (a) mampu memberikan perkhidmatannya dengan menepati masa dan cekap;
 - (b) mempunyai perlindungan yang sepatutnya untuk melindungi perbadanan tersenarai dan pemegang syernya daripada kerugian kewangan yang timbul daripada kelewatan

dalam perkhidmatannya, kecurian, penipuan dan perbuatan yang tidak jujur lain atau salah laku profesional pendaftar syer;

- (c) menyenggara rekod yang sepatutnya berhubung dengan perkhidmatan yang dibekalkan kepada perbadanan tersenarai; dan
 - (d) mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai berhubung dengan perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan, termasuk mengekalkan kerahsiaan maklumat berkenaan dengan perbadanan tersenarai dan pemegang syernya.
- (3) “Pendaftar syer” yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas termasuk pendaftar syer dalaman.

BAHAGIAN G – ORANG LAIN YANG SECARA TERUTAMANYA BERTANGGUNGJAWAB BAGI PERBADANAN TERSENARAI

2.22 Aku janji oleh orang yang bertanggungjawab bagi perbadanan tersenarai

- (1) Jika seseorang, menurut suatu perintah Mahkamah atau selainnya, dilantik untuk mengambil milikan atau kawalan ke atas semua aset atau aset utama, atau menjadi bertanggungjawab ke atas pengurusan perbadanan tersenarai (“**Orang yang Mengawal**”), perbadanan tersenarai itu mesti memastikan bahawa Orang Mengawal mesti memberikan, kepada Bursa suatu aku janji dalam bentuk seperti di Lampiran 2B untuk mematuhi Kehendak-Kehendak ini.
- (2) Orang yang Mengawal mesti -
 - (a) memberikan kepada Bursa apa-apa maklumat, dokumen atau penjelasan yang diminta oleh Bursa mengikut arahan atau permintaan Bursa; dan
 - (b) mematuhi apa-apa petunjuk, arahan atau syarat yang dikeluarkan Bursa dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- (3) Orang yang Mengawal tidak boleh -
 - (a) menyebabkan, membantu atau bersubahat dalam pelanggaran terhadap Kehendak-Kehendak ini oleh perbadanan tersenarai yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas; atau
 - (b) membenarkan, sama ada dengan diketahui atau jika dia mempunyai cara yang munasabah untuk memperoleh pengetahuan itu, perbadanan tersenarai itu melakukan pelanggaran terhadap Kehendak-Kehendak ini.

BAHAGIAN H – LAIN-LAIN

2.23 Petunjuk atau arahan yang dikeluarkan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa petunjuk atau arahan kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, pemohon dan perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai, pekerja atau penasihat pemohon atau perbadanan tersenarai tersebut atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan dan orang yang disebut terdahulu itu mesti mematuhi petunjuk, arahan atau syarat tersebut dalam masa yang ditentukan oleh Bursa.

-
- (2) Jika Bursa telah mengeluarkan apa-apa petunjuk atau arahan atau mengenakan apa-apa syarat yang disebut dalam sub-Kaedah (1) di atas, Bursa mempunyai semua hak dan kuasa untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menguatkuasakan dan melaksanakan petunjuk, arahan atau syarat itu.

2.24 Juruaudit khas

- (1) Jika Bursa berpendapat bahawa pelanggaran Kehendak-Kehendak ini mungkin berlaku dan pelantikan juruaudit khas diperlukan, Bursa boleh mengarahkan perbadanan tersenarai untuk melantik juruaudit khas untuk menyemak atau menyiasat hal ehwan perbadanan tersenarai, mana-mana subsidiarinya, atau kedua-duanya, sebagaimana yang diarahkan oleh Bursa. Apa-apa kos yang ditanggung disebabkan pelantikan juruaudit khas itu mesti ditanggung oleh perbadanan tersenarai.
- (2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, seseorang juruaudit khas bererti mana-mana juruaudit selain daripada juruaudit berkanun suatu perbadanan tersenarai, yang dilantik bawah Akta Syarikat atau berhubung suatu perbadanan asing, menurut undang-undang yang berkaitan di tempat pemerbadanannya.

2.25 Kelakuan

Apa-apa tindakan atau ketinggalan oleh seseorang termasuklah tindakan atau ketinggalan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh orang tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, suatu tindakan atau ketinggalan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada orang itu termasuklah tindakan atau ketinggalan pekerja atau ejennya.

2.26 Notis oleh Bursa

- (1) Semua notis atau komunikasi bertulis yang dikehendaki dihantar oleh Bursa kepada perbadanan tersenarai atau penasihatnya di bawah Kehendak-Kehendak ini akan dihantar ke pejabat berdaftar atau alamat terakhir diketahui perbadanan tersenarai atau penasihat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang terkandung dalam rekod Bursa.
- (2) Semua notis atau komunikasi bertulis yang dikehendaki dihantar oleh Bursa kepada pengarah di bawah Kehendak-Kehendak ini akan dihantar kepada alamat tempat tinggal terakhir diketahui pengarah itu atau alamat terakhir diketahui pengarah itu, sebagaimana yang terkandung dalam rekod Bursa.
- (3) Jika apa-apa notis atau komunikasi bertulis dikehendaki dihantar oleh Bursa di bawah Kehendak-Kehendak ini, notis atau komunikasi bertulis itu disifatkan telah diterima dalam hal keadaan yang berikut:
- (a) jika dihantar melalui pos, pada hari ke-3 selepas pengeposan;
 - (b) jika dihantar melalui kurier, pada hari ke-2 selepas penghantaran; dan
 - (c) jika dihantar melalui pengiriman faksimili, dengan serta-merta.
- (4) Walau apa pun sub-Kaedah (1) di atas, Bursa boleh menetapkan kaedah komunikasi lain termasuk mel elektronik, media elektronik lain atau iklan dalam akhbar, dan dalam hal yang demikian notis atau komunikasi bertulis itu akan disifatkan diterima serta-merta.

2.27 Penerbitan sekuriti baharu dalam mata wang asing

- (1) Terbitan sekuriti oleh perbadanan tersenarai akan disebut harga dalam Ringgit atau mata wang asing lain yang dibenarkan Bursa.

-
- (2) Perbadanan tersenarai mesti berunding dengan Bursa dan mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia jika ia mengutamakan sekuriti itu disebut harga dalam mata wang asing.

BAHAGIAN I – PINDAAN KEPADA KEHENDAK-KEHENDAK INI

2.28 Pindaan kepada Kehendak-Kehendak ini

Bursa berhak meminda semua atau mana-mana Kehendak-Kehendak ini dari semasa ke semasa, menurut seksyen 9 CMSA dan apa-apa pindaan itu akan mengikat pemohon dan perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai atau penasihat pemohon atau perbadanan tersenarai tersebut atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan.

2.28A Kesahan tindakan

Melainkan jika dinyatakan selainnya oleh Bursa, apa-apa pindaan kepada Kehendak-Kehendak ini tidak akan menjejaskan apa-apa tindakan yang dicadangkan untuk diambil, atau sedang dalam proses untuk diambil, atau telah diambil oleh Bursa berhubung dengan peruntukan yang berkuat kuasa sebelum pindaan.

BAHAGIAN J – SYARIKAT PEMEGANGAN BURSA DAN BURSA

2.29 Kuasa Syarikat Pemegangan Bursa

- (1) Jika mana-mana peruntukan Kehendak-Kehendak ini memberikan hak atau kuasa kepada Bursa untuk melakukan apa-apa tindakan atau perbuatan, peruntukan itu akan disifatkan sebagai memberikan hak atau kuasa kepada Syarikat Pemegangan Bursa untuk melakukan tindakan atau perbuatan tersebut bagi pihak Bursa.
- (2) Pemohon dan perbadanan tersenarai serta pengarah, pegawai atau penasihat pemohon atau perbadanan tersenarai tersebut atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-Kehendak ini ditujukan mesti mematuhi, menurut atau melaksanakan apa-apa tindakan Syarikat Pemegangan Bursa menurut sub-Kaedah (1) di atas.

2.30 Liabiliti Bursa, dsb.

Tanpa menjejaskan apa-apa imuniti atau pembelaan yang tersedia bagi orang yang berikut mengikut statut atau undang-undang, tiada seorang pun daripada orang tersebut akan bertanggung terhadap apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh orang itu dengan suci hati berkaitan dengan penunaian atau pelaksanaan atau berupa sebagai penunaian atau pelaksanaan apa-apa fungsi atau tugas, atau perjalanan atau perjalanan yang dicadangkan bagi apa-apa kuasa di bawah Kehendak-Kehendak ini atau mana-mana undang-undang yang terpakai atau berkenaan dengan apa-apa keputusan yang dibuat atau tindakan penguatkuasaan yang diambil atau notis penyiaran tentangnya, sama ada menyebabkan apa-apa kehilangan keuntungan, kos, ganti rugi atau kerosakan kepada reputasi atau selainnya:

- (a) Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa;
- (b) mana-mana anggota Lembaga Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa atau mana-mana anggota mana-mana jawatankuasa Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa;
- (c) mana-mana pegawai Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa; atau
- (d) mana-mana ejen, atau mana-mana orang yang bertindak menurut arahan Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa.

BAHAGIAN K – KESIMPULAN**2.31 Kesimpulan**

Kehendak-Kehendak ini memperuntukkan apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang dibentangkan, dikemukakan atau didedahkan di bawah Kehendak-Kehendak ini mesti terang, jelas, tepat dan tidak boleh mengandungi apa-apa ketinggalan penting atau tidak boleh palsu atau mengelirukan. Di bawah pendekatan pendedahan penuh ini, pelabur, dan bukannya Bursa, bertanggungjawab menilai merit dan risiko melabur dalam mana-mana sekuriti. Pendekatan ini meletakkan kewajipan menilai maklumat yang telah didedahkan atas pelabur.

[Bab tamat]

LAMPIRAN 2A**Aku janji penasihat**
(Kaedah 2.21(1))

Kepada

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur**Pematuhan kepada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE**

Sebagai balasan Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") membenarkan kami untuk bertindak sebagai penasihat bagi pemohon yang ingin disenaraikan dalam Senarai Rasmi Bursa Securities atau perbadanan tersenarai, KAMI[nama penasihat] yang mempunyai #alamat/tempat perniagaan berdaftar di MENGAJU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan dari semasa ke semasa, setakat yang terpakai bagi kami sebagai penasihat.

Ungkapan "penasihat", "pemohon", "perbadanan tersenarai" dan "Senarai Rasmi" mempunyai erti yang sama seperti dalam Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan pelaksanaan Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan dan KAMI secara tidak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Aku janji di atas telah ditandatangani oleh kami/saya sebagai [gelaran/
jawatan] [nama penasihat] menurut kuasa yang diberikan kepada kami/saya melalui ketetapan lembaga pengarah penasihat pada

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Potong mengikut kesesuaian

**** Terpakai bagi penasihat asing sahaja.**

[Lampiran tamat]

Aku janji oleh orang yang bertanggungjawab atas pengurusan perbadanan tersenarai

Lampiran 2B

Aku janji oleh orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan perbadanan tersenarai
(Kaedah 2.22(1))

Kepada

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan terhadap Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE

#Saya/Kami,[nama dan No KP/No. Syarikat], ialah[pangkat/jawatan] bagi[nama penerbit tersenarai] ("**Syarikat**") yang # telah diterima masuk ke dan # adalah pada masa ini tersenarai dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Senarai Rasmi**").

Sebagai balasan Bursa membenarkan penyenaraian berterusan Syarikat dalam Senarai Rasmi, # Saya/Kami, MENGAJU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak- Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad, termasuk apa- apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang terpakai bagi #saya/kami.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan pelaksanaan Aku janji ini ditadbir dalam semua aspek menurut undang-undang Malaysia dan SAYA/KAMI secara tidak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar

.....

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi warga asing yang bertanggungjawab bagi pengurusan perbadanan tersenarai sahaja.

[Lampiran tamat]